

MANUSIA PSIKO MEMANG MENAKUTKAN

Oleh: Nor Fatini Aqilah binti Mohamad Soad, 1171287,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 30 July 2020

“Jangan bercakap dengan orang yang tidak dikenali.”

“Jangan berjalan seorang diri.”

“Dunia ini bukan tempat yang selamat.”

Ungkapan-ungkapan ini sering kita dengar daripada ibu bapa dan ahli keluarga sendiri bukan? Ya, mereka betul!

Dunia ini memang tidak selamat lebih-lebih lagi dengan kewujudan manusia psiko. Anda percaya psiko itu benar-benar wujud? Ya, saya percaya manusia psiko itu memang wujud.

Seperti dalam filem *Ratsasan*, genre ‘thriller’ jenayah psikologi yang diadaptasi daripada kisah benar, yang dilakonkan oleh Saravanan Naan sebagai Christopher.



Gambar dalam filem Ratsasan

Dalam filem tersebut, dia sangat terkenal dengan kegiatan penculikan pelajar sekolah yang dilakukan dengan menggunakan van putih.

Selepas beberapa jam penculikan berlaku, tersebar berita tentang mayat yang dibunuh agak ngeri di mana matanya dikorek, ditikam di bahagian muka terutamanya hidung, telinga dan bahagian anggota yang lain, kakinya diikat dengan dawai besi kemudian dibungkus dengan beg plastik.

Mayat yang ditemukan tidak lagi kelihatan seperti manusia. Selepas mangsa dibunuh dengan kejam, manusia psiko itu meninggalkan kotak hadiah berisi kepala patung yang ditoreh. Apakah motif penculikan dan mengapa penculik itu membunuh?



Kotak hadiah berisi anak patung yang ditoreh

Kes pembunuhan sebegini sangat menggerunkan, bukan? Pembunuh yang sebenarnya sudah berada di depan mata, namun kita sendiri yang terlepas pandang.

Filem psiko seperti Ratsasan menyebabkan emosi saya terganggu sedikit semasa adegan yang menceritakan bagaimana mangsa diseksa dan dibunuh.

Walaupun hanya sekadar lakonan, dialog tersebut memberi kesan sehingga menyebabkan saya sendiri terbayang-bayang penderitaan yang dialami oleh mangsa.

Memetik salah satu dialog berfakta yang dituturkan oleh watak Jack Leister dalam filem tersebut, “Sebanyak 27 peratus daripada senarai psikopat di seluruh dunia ini meninggalkan simbol atau tanda mereka semasa menculik atau membunuh mangsa,”

Walaubagaimanapun, ramai orang yang tidak mengetahui bagaimana hendak mencari jawapan tentang insiden pembunuhan yang dipercayai dilakukan oleh manusia psiko.

Sangat sukar mengesahkan sama ada mereka terlibat dalam satu-satu kes pembunuhan atau sebaliknya kerana manusia psiko sangat bijak dan langsung tidak meninggalkan sebarang kesan di tempat kejadian.

Saya percaya saya boleh mengenal sama ada seseorang individu itu mempunyai ciri-ciri psikopat. Mereka lazimnya suka menarik perhatian dan kadang-kadang melakukannya dengan agresif.

Mereka seolah-olah ingin memberitahu, “Aku akan menunjukkan kepada kalian sekarang siapa aku!”, “Dengarlah aku!”, “Aku dunia!”

Manusia psiko mempunyai ego yang sangat besar walaupun pada zahirnya, mereka bersikap antisosial seperti suka menyendiri dan tidak gemar bergaul dengan masyarakat.

Sentiasa berhati-hati apabila berdepan dengan individu sebegini kerana dikhuatiri mereka boleh bertukar menjadi manusia psiko yang kejam dan tidak berperikemanusiaan.